

*BAB LIMA:*  
*MODENISASI BARAT DAN IDEOLOGI-*  
*IDEOLOGI MODEN*

## BAB 5

### MODENISASI BARAT DAN IDEOLOGI-IDEOLOGI MODEN

#### 5.1 Modenisasi dari perspektif umum

Ditinjau dari aspek bahasa, perkataan modenisasi atau kata dasarnya iaitu moden berasal daripada perkataan *Modernus* dengan akar kata *Modo* yang membawa maksud *recently* atau *just now* yang mula digunakan pada akhir abad ke 15 lagi. Kata ciptaan tersebut turut dikaitkan dengan perkataan *hodiernus* iaitu daripada perkataan *hodie* yang bermaksud *today*. Kemudian terminologi seperti modernitas atau *modern times* dan modeni atau *men of today* telah menjadi biasa digunakan secara meluas dalam abad ke sepuluh.<sup>1</sup>

Menurut Dr. Shamsul Amri Baharuddin, modenisasi merupakan perubahan sosial yang menyeluruh terhadap semua aspek seperti perubahan daripada sudut ekonomi, politik dan ideologi. Proses ini mempunyai dua komponen utama iaitu modeniti sebagai asas material kepada modenisasi dan modenisme iaitu gagasan ideologi yang mengiringi fenomene modenisasi.<sup>2</sup>

Modenisme, menurut pengertian yang diberikan oleh Dr Sulaiman Noordin, adalah dikaitkan dengan fenomena sekularisme dan dinisbahkan kepada pemikiran yang berpendapat bahawa segala yang baru (moden) adalah dianggap lebih baik secara

umumnya daripada yang lama atau tua, dan baru adalah sebenarnya merujuk kepada alat atau kebendaan sains dan teknologi.<sup>3</sup>

Maryam Jameela pula menyatakan modenisasi adalah revolusi menentang agama dan nilai-nilai rohani. Modenisasi muncul dalam berbagai-bagai idealisme seperti Komunisme, Sosialisme, Kapitalisme, Pragmatisme, Positivisme, Fascisme, Nazisme, Zionisme, Kemalisme dan Nasionalisme Arab. Menurut beliau setelah diperiksa, kesemua ideologi tersebut walaupun nampak berbeza secara cabangnya, namun masih dalam satu punca iaitu menentang agama.<sup>4</sup> Menurut beliau lagi, modenisasi sebenarnya menolak kepercayaan terhadap hari akhirat disebabkan ketaksuhan terhadap material, kejayaan dunia dan kegembiraan hanyalah apabila berjaya mencapai tujuan hidup di dunia. Menurutnya lagi, semua ideologi moden bersifat “man-worship”. Contohnya, tentera Nazi memakai baju yang mempunyai gambar Hitler semasa hari-hari terakhir mereka di hospital, mereka didapati mencium gambar Hitler dan meletakkannya di atas mata mereka. Kerajaan Komunis di China di bawah pimpinan Mao Tse Tung telah menganggap Mao sebagai Tuhan.<sup>5</sup> Maryam Jameela telah mengkritik dan menjawab semula idea-idea pelopor-pelopor *westernization* dalam dunia Islam seperti Sayyid Ahmad Khan, Shaikh Muhammad Abduh, Qassim Amin, Shaikh Ali Abd ar-Raziq, Dr. Taha Hussain, Ziya Gokalp, Mustafa Kamal Ataturk dan lain-lain lagi kerana idea-idea mereka hanya memburukkan lagi tamadun Islam.

Di dalam buku “Islam and Western Society”, Maryam Jameela mengatakan perasaan rendah diri atau *inferiority complex*, adalah salah satu punca yang menyebabkan

negara bukan Barat menolak agama, kebudayaan dan sejarah mereka. Beliau turut menyeraikan kesan-kesan negatif daripada pemodenan. Contohnya di Afrika Utara, barang kosmetik Eropah yang paling popular dijual ialah “*skin-cream*” yang dijamin boleh memutihkan muka. Akibatnya beratus-ratus orang kulit hitam telah dimasukkan ke hospital kerana kulit muka terbakar disebabkan menggunakan krim tersebut. Oleh itu, Maryam Jameela mempersoalkan adakah modenisasi menjamin kehidupan yang lebih baik.<sup>6</sup>

Menurut Prof. Madya Muhammad Abu Bakar pula di dalam bukunya “Penghayatan Sebuah Ideal”, pemodenan sama ada sebagai proses yang berlangsung seiring dengan pembaratan dan sekularisasi atau sebagai aspek kepada pembaratan dan sekularisasi itu sendiri adalah faktor utama bertanggungjawab memisahkan ulama daripada masyarakat sehingga fungsi mereka sebagai intelektual menjadi berkurangan dan akhirnya terlepas. Atas nama pemodenan, maka pemerintahan dan pentadbiran, pengurusan ekonomi dan kemajuan sosial masyarakat dijalankan mengikut garis-garis sekular yang tidak mengizinkan lagi penyertaan ulama, lantaran mereka dianggap jahil tentang perkembangan itu atau dikira sebagai batu penghalang jika dibawa bersama dalam program-program itu. Tamadun luar atau aspek-aspek daripadanya menjadi ejen perubah dalam masyarakat Islam dan bukannya Islam itu sendiri. Pemerintahan dan pentadbiran yang diperkenalkan serta dipaksakan ke atas masyarakat adalah dipadankan pada model Barat yang bersifat keduniaan dan mengenepikan tuntutan agama, sementara birokrat daripada kalangan anak tempatan adalah intelektual yang diberi tugas dan

tanggungjawab menegakkan masyarakat supaya ia memperolehi kemajuan mengikut landasan yang dianjurkan masyarakat.<sup>7</sup>

Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Abu Bakar lagi, dahulunya fahaman-fahaman seperti modenisme, nasionalisme dan sekularisme tidak dipandang sebagai sesuatu yang mencabul kehormatan Islam, tetapi kini, itu semua telah menjadi isu besar serta bahan kritik dan kecaman.

Manakala, Khurshid Ahmad pula telah menyebut lima ciri yang menjadi asas pemikiran Barat yang dimanifestasikan dalam tamadunnya iaitu; kecelaruan mengenal pencipta, aliran sekularisme, konflik pertentangan, materialisme dan merasa lebih tinggi mengatasi bangsa lain. Ini menggambarkan sifat kepada modeniti Barat yang cuba dibawa ke Timur atas slogan “tamadun moden”.<sup>8</sup>

Berbeza dengan tokoh-tokoh yang lain, Mangol Bayat pula melihat kebangkitan di Iran sebahagian daripada proses modenisasi dan Khomeini adalah sebagai tokoh zaman yang berjaya melafazkan cita-cita manusia moden, termasuk golongan sekular yang berkehendakkan kuasa dan puak antmoni. Ideanya ini kelihatan seperti interpretasinya sendiri bahawa istilah moden tidak semestinya ada kaitannya dengan Barat dan pembaratan.

## 5.2 Kupasan Ali Shariati mengenai modenisasi dan salah faham terhadapnya

Menurut Ali Shariati, “modenisasi” dan “tamadun” merupakan dua perkara yang ketara perbezaannya. Walau bagaimanapun, orang-orang Eropah telah membuat orang-orang bukan Eropah menyamakan “modenisasi” dengan “tamadun” semata-mata untuk memaksa mereka melanggan atau menggunakan produk-produk yang baru Eropah. Oleh itu, Ali Shariati cuba menjelaskan hubungan antara modenisasi yang dipaksakan dengan tamadun yang sebenarnya.

Menurut beliau, modenisasi seperti yang dikatakan sinonim dengan “beradab”, adalah masalah yang sama sekali berbeza dan gejala sosial yang tidak mempunyai hubungan sama sekali dengan tamadun. Selama beratus tahun yang lalu, Barat telah menjalankan tugas memodenkan manusia. Semua bangsa bukan Barat ditempatkan dalam hubungan yang rapat dengan Barat dan tamadun Barat serta akan diubah menjadi “bangsa-bangsa moden” dengan menggantikan kebudayaan sendiri dengan kebudayaan Barat.<sup>9</sup>

Proses menjadi “bangsa-bangsa moden” ini, menurut Ali Shariati melalui satu proses yang disebut “assimilasi”. Istilah ini bersabit dengan tabiat atau kelakuan individu, sama ada secara sedar ataupun tidak, meniru atau mengikuti sifat dan lagak orang lain. Seseorang yang bersifat begini akan melupakan latar-belakang sifat-sifat kebangsaan dan budayanya. Kalaupun ia mengingatinya, ia akan diingati dengan penuh penghinaan. Ia mengharapkan kelainan dan keistimewaan yang terdapat pada orang lain,

individu tersebut seboleh mungkin cuba menghindarkan dirinya daripada diselubungi perasaan malu kerana mempunyai pertalian dengan masyarakat dan budaya asalnya.<sup>10</sup>

Daripada proses assimilasi ini, berlakulah apa yang disebut oleh Ali Shariati sebagai “*alienation*” atau keterasingan. *Alienation* merupakan suatu proses di mana seseorang akan melupakan atau janggal atau bersikap tidak acuh terhadap diri sendiri di mana seseorang individu itu tidak lagi kenal akan dirinya, malah membuat persepsi dari kacamata orang lain.

Sejenis alienation yang lebih menakutkan dan memusnahkan adalah *cultural alienation* atau keterasingan kebudayaan. Kebudayaan merangkumi himpunan intelektual, kemahiran bukan berbentuk material, ekspresi sejarah, kesusastraan, keagamaan, dan emosi sesuatu negara. Tetapi disebabkan oleh faktor-faktor palsu yang merayap masuk ke dalam masyarakat, berkembang melalui kerangka sejarah yang khusus, memperkenalkan emosi, sentimen, penderitaan yang mempunyai *alien spirit* dan produk zaman silam yang berbeza, masyarakat berbeza dari segi sosial dan ekonomi tercetus. Faktor-faktor palsu ini menghapuskan segala kebudayaan yang asal dan menggantikannya dengan kebudayaan palsu yang sesuai pada situasi yang berlainan dan sejarah yang berbeza, latar-belakang, ekonomi, politik dan kedudukan sosial yang berbeza.

Oleh itu, modenisasi bukanlah tamadun ataupun kebudayaan sebaliknya modenisasi mengubah tradisi, cara kepenggunaan dan kehidupan material daripada yang

lain kepada yang baru melalui proses assimilasi dan *alienation*. Barat cuba menciptakan pertentangan antara “kemodenan” dan “ketinggalan zaman” yang mana kemodenan dikaitkan dengan kebudayaan Barat semasa (selepas *renaissance*, revolusi saintifik dan revolusi industri), manakala ketinggalan zaman dikaitkan dengan kebudayaan bangsa bukan Eropah yang telah berumur beribu tahun.<sup>11</sup>

Modenisasi yang dimaksudkan hanyalah dalam hal konsumer, dan bukan dalam fikiran. Ketinggalan zaman juga adalah dalam bentuk konsumer sahaja. Oleh itu, kemodenan adalah kumpulan produk moden yang dapat diimport oleh suatu negara dalam tempoh waktu yang amat singkat iaitu antara 1-5 tahun. Sedangkan kewujudan peradaban atau ketamadunan mengambil tempoh yang amat lama dan mungkin berabad. Dengan itu, Ali Shariati telah mempersoalkan adakah tamadun itu suatu produk yang boleh dieksport dan diimport dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Menurut Shariati, kebanyakan bangsa di Asia dan Afrika yang kaya dengan bahan mentah, tetapi dianggap sebagai mundur, lalai dan muflis. Ia ada kaitan antara sumber ekonomi dan budaya sesebuah bangsa. Ini bermakna, sesebuah generasi menuju ke jalan menyelesaikan masalah ekonomi dan budaya dan membawa masyarakat menjadi progresif dan kreatif, mesti memiliki kesedaran sejarah dan budaya dan juga teknikal saintifik. Maksudnya, bukan sekadar masyarakat progresif tetapi juga memiliki kebebasan pengalaman, prinsip dan kemuliaan dengan misi baru dalam bergerak menuju matlamat.<sup>12</sup>

Dalam tahun-tahun terbaru ini, generasi intelektual Asia dan Afrika ada hubungan langsung dengan falsafah, budaya dan rohani fahaman-fahaman Eropah. Apabila golongan terpelajar Asia pulang dari Eropah, apa sahaja yang disampaikan akan diterima oleh masyarakat. Inilah satu-satunya jenis hubungan Asia dan Eropah. Golongan ini hanya berbangga belajar bahasa sehari-hari, idea, kata-kata pemikir Eropah dan mereka membawanya pulang sebagai cendera hati. Shariati dapati bahawa kandungan tersebut tidak berkaitan dengan kesengsaraan, penderitaan dan nasib masyarakat mereka. Faktanya ialah orang Timur menderita kelaparan sementara orang Barat menderita kekenyangan. Oleh itu, apa yang diperkatakan tidak berfaedah, walaupun di Barat ianya amat berguna, namun apabila dibawa ke Timur yang mempunyai atmosfera yang berbeza, ia menjadi tidak berguna.

Shariati melihat eksistensialisme dalam falsafah dan bentuk rohaninya, sebagai seni ia merupakan kesedaran manusia yang paling cemerlang dalam zaman industri dan material Eropah. Namun, jika dibandingkan dengan pengalaman rohani di Timur, perbezaannya amat ketara. Masalah utama eksistensialisme ialah manusia terlalu dipengaruhi dengan dunia material dan keimbangan adalah dalam bentuk tanggung-jawab dan ketidakmampuan untuk menemui jalan yang betul. Sedangkan di Timur, masalah ini amat mudah seperti “belajar huruf”. Malangnya, ada pemikir Iran yang pergi ke Eropah tanpa mengetahui Islam dan sejarah tempatan melainkan sedikit, memikirkan dia menawarkan sesuatu yang baru daripada idea Sartre.<sup>13</sup>

Oleh itu, Timur perlu megetahui sumber mereka, belajar mengambilnya, tunjukkan kebaikannya serta menapis dan menukarkannya kepada tenaga. Sebagaimana untuk selamat daripada kemiskinan, demikian juga perlu dilakukan dalam kebudayaan. Untuk mengambil dan menapis sumber budaya perlu ada kerohanian dan kreativiti. Sebagaimana Timur cuba bebas dari sudut ekonomi daripada menjadi pengguna barang Eropah, begitu jugalah perlu bebas daripada produk kerohanian Eropah. Adalah mustahil untuk mencapai kemerdekaan ekonomi tanpa kemerdekaan rohani dan sebaliknya. Ini adalah kerana keduanya saling melengkapi antara satu sama lain.

Bagi Shariati, apa yang harus dilakukan ialah kita mesti mengetahui bahawa guru terbaik bagi kita untuk mencapai kemerdekaan dan ciri-ciri kebangsaan kita ialah musuh kita yang mencuri kemerdekaan dan ciri-ciri kebangsaan kita. Oleh itu, kita perlu sedar bagaimana Barat menjauhkan kita daripada budaya dan rohani kita dan seterusnya melatih generasi Timur yang hilang keupayaan menggunakankekayaan mereka dari segi pemikiran, etika, semangat dan budaya. Realitinya, kita telah menjadi asing daripada sumber-sumber ini. Kita mesti mencari langkah yang diambil oleh Barat dan metod yang digunakan sehingga mencapai matlamat mereka di Timur. Apabila kita mengkaji dan menemui jalan Barat memasuki tanah kita, kita akan menjelak semula dan pulang ke asal kita. Dalam mencari penulis dan pemikir, kita mesti melihat individu yang mengalami penderitaan, sejarah, keadaan dan nasib yang sama dengan kita. Contohnya, adalah lebih baik bagi kita mengenali Kateb Tassin, Omar Mawloud, Omar Ozgan, Frantz Fanon dan Aime Cesaire daripada mengenali Brecht, Jean Paul Sartre dan Camus.<sup>14</sup>

Ramai intelektual yang telah sedar tentang modenisasi Barat. Antaranya ialah Omar Mawloud seorang pemikir Afrika yang hebat. Beliau mengatakan, “*In order to turn a man into subservient, obedient and Trusting creature, we must strip his personality away because as long as he has character he cannot be a servant. And in order to get a good ride from a nation, human feelings must be taken away from them, or at least weakened. As long as the easterner feels he is independent, noble and worthy, he will never fawn and wag his tail for a Western morsel to be thrown to him*”<sup>15</sup> yang bermaksud “Bagi mengubah seseorang itu menjadi hamba yang merasa merendah diri, patuh dan mempercayai apa yang disampaikan kepadanya, kita mestilah menghilangkan personalitinya, kerana selagi ia memiliki personaliti, dia tidak akan boleh menjadi seorang hamba. Dan bagi mendapatkan sokongan padu daripada sesuatu bangsa, perasaan kemanusiaannya mesti dibuang atau dilemahkan. Selama mana orang Timur merasakan diri mereka berharga, mulia dan bebas, mereka tidak akan tunduk kepada Barat”.

Sordell juga merupakan salah seorang pemikir Afrika yang hebat dan perlu kita ketahui berbanding dengan Sartre. Beliau menyatakan bahawa dalam hubungan antara dua orang atau dua masyarakat contohnya hubungan antara Timur dan Barat, terdapat pertentangan atau dialektika. Ia adalah seperti wujudnya pertentangan antara anak dan ibu, di mana ibu memarahi dan memukul anak. Oleh kerana anak hendak mengelak daripada ancaman ibu, dia cuba membiasakan dan menyelesakan diri dengan ibu, dengan itu, ibu menerima kerana anak bukan lagi pengacau kepada ibu sebaliknya sebahagian daripada ibu. Anak membuang ciri-ciri asalnya dan menyesuaikan diri dengan ciri-ciri ibu. Shariati dapati dialektika Sordell bercirikan pertentangan antara

kuat dan lemah, Timur dan Barat serta putih dan hitam. Faktanya ialah Barat dengan falsafah seperti Nietzsche, Hegel, Freud dan Sigfried telah membentuk isu bangsa kuat dan bangsa lemah, bangsa Timur dan Barat serta bangsa putih dan hitam. Sebagaimana yang dikatakan oleh ahli antropologi dunia, Ernest Renan, “*Man's spiritual race is the Northern and Western race*” yang bermaksud “Bangsa manusia ialah bangsa Utara dan Barat”<sup>16</sup>

Shariati juga telah melihat sendiri berhubung perkara ini semasa beliau belajar di Sorbonne, Paris. Seorang pelajar telah menulis desrtasi mengenai sel hitam dan putih. Sekumpulan profesor yang terkenal di dunia menawarkannya ijazah kerana beliau berjaya membuktikan bahawa sel otak orang kulit hitam lemah berbanding orang kulit putih disebabkan ekor sel otak orang kulit putih lebih panjang. Shariati mengatakan bahawa individu tersebut tersilap dan keliru mengenai ekor sel otak dan ekornya sendiri. Shariati juga menyatakan Hegel menyeleweng kerana menyatakan “*God was a 'subconscious' that entered nature. He developed and entered plants, he developed further and entered animal .... into man ... into Eastern man ... into Western man ... into Germans, and he evolved further and entered into German government, and finally it entered the kingdom which rules us now*”<sup>17</sup> yang bermaksud, “Tuhan secara sedar telah menyertai alam semula jadi. Dia berkembang dan meresapi tumbuhan, haiwan, manusia, orang Timur dan orang Barat, orang Jerman dan berkembang lagi lalu menyertai kerajaan Jerman dan akhirnya menyertai kuasa yang memerintah kita sekarang”.

Di sekolah-sekolah di Barat, diperkatakan bahawa perang antara Greek dan Parsi disebut sebagai perang antara Greek dan orang liar atau tidak beradab walaupun Parsi merupakan tamadun yang hebat. Pelajar didoktrinkan dengan kepercayaan Barat lebih kuat daripada Timur. Malahan profesor dan pemikir dalam semua bidang turut menyatakan perasaan berbangga dengan bangsa mereka. Contohnya Sigfried iaitu seorang ahli sosiologi Perancis yang terkenal mengatakan, “*God has created two kinds of races in nature: the boss who must direct, and the labourer who must obey. Which one is needed more? Obviously the labourer. Every thousand labourers call for two to three bosses. So, God has created a European race who is the boss, and the Eastern race, who is labourer. This is why the birth rate of East is 3%-5% annually, while for West is 1%*”<sup>18</sup> yang bermaksud, “Tuhan menciptakan dua jenis bangsa secara semula jadi iaitu bos yang mesti memberi arahan dan buruh yang mesti patuh. Yang mana satu diperlukan dengan lebih ramai? Tentulah buruh. Setiap seribu buruh memerlukan dua atau tiga bos sahaja. Jadi Tuhan telah mencipta bangsa Eropah sebagai bos dan bangsa Timur sebagai buruh. Kerana itulah kadar kelahiran di Timur ialah antara 3% hingga 5% setiap tahun, manakala kadar kelahiran di Barat hanya 1% sahaja”. Sigfried pula mengatakan bahawa apabila kita berjalan di Perancis lelaki biasa yang berambut perang dan bermata biru dengan mudah boleh menguruskan pejabat di Timur, Tetapi ababila kita pergi ke Timur, kita akan dapati pemikir dan personaliti yang hebat tidak mampu menguruskan organisasi yang terdiri daripada hanya enam orang. Ini adalah kerana otak Barat ialah mencipta tamadun manakala otak Timur ialah sentimental, puisi dan ketuhanan. Dan lagi, orang Eropah mampu bekerja dengan mesin selama 40 tahun,

tetapi orang Timur merosakkannya dalam tempoh 6 bulan pertama dan kemudiannya meneruskan penggunaan mesin tersebut untuk selama 20 tahun sahaja.

Shariati mengatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Sigfried itu betul tetapi ianya tiada kaitan dengan menjadi orang Timur. Ia berlaku kerana mereka tidak biasa dengan mesin dan juga disebabkan oleh faktor sebahagian orang Timur yang menyeleweng. Tetapi Shariati mengingatkan Sigfried bahawa suatu ketika dahulu otak orang Parsi telah menguruskan empayar yang besar hingga ke India dan Mediteranean. Empayar tersebut di bawah kuasa seorang individu bernama Khaje Nezam al-Molk dan dalam zamannya beliau memerintah 20 bangsa, agama dan negara. Otak Timur pernah melakukan perkara hebat sedemikian. Jika orang Timur tidak mampu melakukannya sekarang, ianya adalah kerana Timur telah dirosakkan oleh Barat dan Timur tidak menyedari akan perkara ini. Orang India yang dituduh hanya berkecimpung dengan soal-soal ketuhanan, moral pengorbanan diri, sebenarnya telah mencipta sistem nombor yang pertama. Penemuam tentang pembiasan cahaya oleh Ibn Heitham dan Algebra oleh Omar Khayyam masih lagi sah. Ini adalah sebahagian daripada penemuan dari Timur. Oleh itu, adalah salah mereka mengatakan Timur hanya sesuai untuk perbincangan ketuhanan, etika, meditasi dan bukannya intelek, logik dan ekonomi. Eropah sengaja menjual diri mereka bagi memastikan kekuatan dan keaslian mereka. Eropah mahu orang Timur merasa rendah diri, lemah dan tidak beriman. Menurut dialektika Sordell, orang Timur dipaksa merasa rendah diri dengan memiliki sejarah dan agama yang tidak baik, dan untuk melepaskan daripada perasaan ini, orang Timur cuba menjadi seperti Barat, iaitu bangsa yang hebat. Apabila Timur cuba mengikut bangsa yang hebat tersebut, mereka

tidak akan risau dengan label mereka seperti orang Timur, bersifat ketuhanan, kuat agama, rosak dan tidak berakal. Ini adalah kerana mereka tidak lagi kepunyaan masyarakat mereka.<sup>19</sup>

Apabila seseorang individu berfikir, mengguna, bersosial, mencipta dan memakai pakaian seperti “dirinya”, dia ibarat bebas. Tetapi kebebasan ini telah diserang. Semua kata-kata bertujuan memisahkan Timur daripada “dirinya”, dan menjadikannya pengguna Barat. semenjak abad ke 18 dan 19 apabila mesin Eropah menghasilkan barang yang berlebihan, ianya mesti dijual ke Afrika, Asia, Latin Amerika dan Australia. Tetapi penggunaan bukan mudah diubah kerana ia berkaitan dengan agama, sejarah, kefahaman masyarakat, budaya dan etika seseorang. Oleh itu, kesemua ini perlu dimusnahkan.

Shariati juga mengulas tentang kebudayaan iaitu rohani, mental, moral dan sejarah bangsa, pembentukannya sama seperti bagaimana bahan mentah terbentuk. Setelah berabad lamanya haiwan dan tumbuhan tertimbus dan berada dalam lapisan bumi yang dalam yang akhirnya bertkar menjadi punca ekonomi yang penting. Oleh itu, sepanjang sejarah, kebudayaan bergantung kepada penampilan dan kematian generasi yang cemerlang, terkumpul dan membentuk aset rohani sesebuah bangsa. Walau bagaimana sekalipun kita mentafsirkan keaslian, ia tetap kepunyaan sejarah sejak ciri-ciri manusia wujud dan bukan tiba-tiba terbentuk tanpa apa-apa dan dalam masa yang singkat. Seseorang individu yang dibentuk dengan sejarahnya sendiri memiliki personaliti yang mampu memilih dan membentuk masa depannya. Sesiapa yang tiada zaman silam, harus memulakan dari awal, dan sesiapa yang tidak biasa dengan budayanya adalah

primitif. Barat mahu melihat semua keaslian, agama, citarasa, dan pelbagai kebolehan orang Timur hancur musnah supaya semua bangsa akan bertukar menjadi pengguna produk mereka.

Perubahan daripada Katolik kepada Protestant bermakna perubahan roh agama yang rosak kepada roh agama sosial. Perkara besar yang berlaku dalam Renaissance ialah tiada aset budaya termasuk agama yang tinggal, seperti Hitler yang membina sejarah dan memusnahkan semua zaman silam.

Menurut Shariati lagi sebilangan kecil pemikir Asia dan Afrika yang berpendidikan Barat telah sedar akan perkara ini, lalu menghadiri konvensyen antarabangsa dengan memakai pakaian tempatan. Ini adalah kerana mereka sedar bahawa setelah 200 tahun mereka dieksplotasi dengan kata-kata, “*You had no native clothes of your own and “I” put it into you. You had no language, I taught it to you. You had no past and I provided the present for you. You were not familiar with civilization , I civilized you*<sup>20</sup>” yang bermaksud, “Anda tidak mempunyai pakaian tempatan, oleh itu saya pakaikan untuk anda. Anda tidak memiliki bahasa, oleh itu, saya ajarakan kepada anda. Anda tidak memiliki sejarah, oleh itu, saya sediakan hari ini kepada anda. Anda belum biasa dengan tamadun, oleh itu, saya mentamadunkan anda”. Pengeksploitasi melatih orang kulit hitam Afrika sehingga mereka merasakan mereka hanya sesuai untuk menghambakan diri dan menari.

Shariati menjelaskan bahawa orang Timur merupakan pembina tamadun, guru tentang keimanusiaan sepanjang sejarah manusia. Timur mempunyai himpunan budaya, mental dan pengalaman sosial kemanusiaan. Oleh itu, orang Timur harus bergantung kepada diri sendiri, mengambil dan menapis semua sumber rohani yang ada.

### **5.3 Kupasan Ali Shariati mengenai ideologi-ideologi moden**

Ali Shariati telah memberikan pandangannya terhadap ideologi-ideologi moden seperti kapitalisme, sosialisme (marxisme), eksistensialisme dan Freudanisme.

#### **5.3.1 Kapitalisme**

Kapitalisme adalah sebuah sistem ekonomi di mana falsafah sosial dan politiknya didasarkan kepada asas pengembangan hak milik peribadi dan pemeliharaannya serta perluasan faham kebebasan. Ia muncul sejak awal abad ke-16 dengan seruan kebebasan (liberation) serta seruan nasionalisme sekular dan pelucutan dominasi spiritual paderi. Antara tokoh-tokoh Kapitalis yang terkenal ialah Francois Quesnay (1694-1774) yang menerbitkan majalah ekonomi iaitu *La Tableau Economique* yang di dalamnya digambarkan peredaran wang di dalam masyarakat sebagai peredaran darah dan John Locke (1632-1704) yang berkata, “Hak milik peribadi adalah salah satu hak alam dan naluri yang tumbuh bersama pertumbuhan manusia”.

Prinsip-prinsip kapitalisme ialah pertamanya, mencari keuntungan dengan berbagai cara, kecuali apa yang dilarang secara terang-terangan oleh negara disebabkan ia boleh merosakkan masyarakat seperti pengedaran dadah. Keduanya, mendewakan hak milik peribadi dengan membuka jalan selebar-lebarnya agar setiap orang mengerahkan kemampuan dan potensi yang ada untuk meningkatkan kekayaan dan memeliharanya. Ketiganya, *Perfect Competition* (Persaingan pasaran). Keempatnya, *Price system* (Sistem harga bebas).<sup>21</sup>

Menurut Dr. Sulaiman Noordin, kapitalisme adalah suatu fahaman dalam sistem ekonomi yang telah tumbuh di Eropah semenjak kurun pertengahan. Ia telah berkembang dengan lebih pesat lagi selepas zaman Renaissance Eropah pada abad ke 14 hingga ke 17 Masihi dan pada zaman tersebut telah berlaku;<sup>22</sup>

- a) Kelahiran ideologi-ideologi palsu ciptaan Yahudi.
- b) Kemasnahan kuasa gereja Kristian dan sistem milik tanah oleh bangsawan.
- c) Kelahiran fahaman sekularisme dan liberalisme di mana agama dipisahkan dari aktiviti-aktiviti dunia.
- d) Pertumbuhan dan perkembangan kilang-kilang perusahaan di Perancis selepas Revolusi selepas Revolusi Perancis 1789M.

Antara keburukan kapitalisme ialah ia merupakan sistem buatan sekumpulan manusia, egoistik, monopolistik, terlalu berpihak kepada hak milik peribadi, persaingan sepenuhnya, perampasan tenaga produktif, pengangguran, kehidupan yang penuh

pergolakan, penjajahan, peperangan dan malapetaka, didominasi hawa nafsu, riba, tidak bermoral, kejam, boros dan tidak berperikemanusiaan.<sup>23</sup>

Kapitalisme juga telah mengambil inspirasi dari Darwinisme Sosial. Sebagaimana yang diungkap oleh Harun Yahya dalam salah satu artikelnya yang berjudul “Kapitalisme dan Seleksi Alam di Bidang Ekonomi”, kapitalisme bererti kekuasaan ada di tangan golongan kapitalis dan sistem ekonomi bebas tanpa batasan yang didasarkan pada keuntungan, di mana masyarakat bersaing dalam batasan-batasan ini. Menurut beliau lagi, “Masyarakat kapitalis” adalah arena tempat para individu bersaing antara satu sama lain dalam keadaan yang sangat sengit dan kasar. Ini adalah arena pertarungan sebagaimana yang dijelaskan Darwin, yang kuat akan tetap hidup, sedangkan yang lemah dan tak berdaya akan musnah.<sup>24</sup>

Menurut Ali Shariati, ketika agama menjadi kekuatan yang membawa kemajuan ilmiah dan sosial, Renaissance membawa rakyatnya ke arah kebebasan melalui nasionalisme sebagaimana Yunani dan Rom melawan imperialisme Latin dan gereja, mengajak ke arah kebebasan ilmu dengan menentang Katolik yang kuat dan penuh tayahul. Semboyan kebangkitan ini ialah kebebasan manusia dari ikatan keinginan “langit” yang serba memaksa, pembebasan intelek dari kekuasaan kepercayaan agama dan pembebasan ilmu dari dogma. Ringkasnya, peralihan dari langit ke bumi untuk membangun syurga yang dijanjikan oleh agama di akhirat ke bumi.<sup>25</sup>

Sungguh menarik slogan tersebut, namun tangan-tangan yang membangunkan syurga bumi itu ialah tangan-tangan bangsa jajahan, tangan-tangan manusia yang dieksplorasi dengan teknologi ilmiah. Dengan demikian sampailah manusia pada ilmu dan modal. Ilmu dibebaskan dari takluk agama sebaliknya tunduk pada kekuasaan dan pemegang kekuasaan. Ilmu diubah menjadi sains yang kaku dan rabun. Mesin yang seharusnya menjadi alat kemanusiaan untuk memerintah alam dan melepaskan diri daripada perhambaan, diubah menjadi suatu mekanisme yang memperhambakan manusia sendiri.

Shariati menjelaskan penjaga pintu syurga ini ialah kapitalisme yang bersenjatakan ilmu teknologi. Manusia bagi mereka hanyalah seekor binatang ekonomi yang tugasnya merumput dalam syurga ini. Falsafahnya ialah “Belilah, Gunalah, Pakailah.....” Manakala slogannya ialah “Liberalisme dan Demokrasi” yang bererti pilihlah orang-orang yang telah memilih nasib kamu. Kehidupannya adalah material dan nilai moralnya ialah oprtunisme dan egoisme. Tujuannya ialah kepenggunaan. Falsafah hidupnya ialah kepuasan nafsu. Kepercayaan, cita-cita, cinta dan erti manusia tidak dibincangkan.<sup>26</sup>

Menurut beliau lagi, kapitalisme telah membentuk wanita untuk melayani dua tujuan. Pertama, wanita memenuhi sektor pekerjaan. Kedua, wanita digunakan sebagai suatu alat untuk hiburan.<sup>27</sup>

### **5.3.2 Sosialisme atau Marxisme**

Sosialisme adalah suatu istilah umum yang digunakan bagi teori ekonomi dan politik yang memperjuangkan suatu sistem yang berasaskan kepada hak milik untuk kelompok atau pemerintah yang menguruskan semua sumber penghasilan dan pengagihan barang-barang.

Pengasas sosialisme ialah Karl Marx, nama asalnya ialah Mordechai (1818-1885). Beliau adalah seorang Jerman keturunan Yahudi, kedua ibu bapanya pernah menjadi rahib gereja Yahudi. Penyokong kuat Karl Marx ialah Friedrich Engels (1848), seorang jutawan Yahudi yang memiliki kilang-kilang di Jerman dan England dan pemodal-pemodal telah penubuhan fahaman Marxisme di Rusia.<sup>28</sup>

Menurut Ismail Farouqi, fahaman sosialisme (Marxisme) berasal dari falsafah Yunani Plato yang menganggap bahawa Tuhan menjelma dirinya di alam kebendaan dan manusia adalah bayangan Tuhan atau serpihan dari Tuhan. Manusia (Tuhan dalam bentuk insan) tidak tunduk kepada sebarang kuasa melainkan mengikut kebetulan atau nasib. Fahaman ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam kerana menurut Islam manusia adalah makhluk yang dicipta oleh Allah s.w.t. Pendapat yang diutarakan oleh Islam itu adalah selaras dengan logik (akal). Manusia tunduk kepada kuasa Allah s.w.t. dari segi semula jadinya, dan apa yang terjadi di muka bumi ini adalah dengan pengetahuan Allah s.w.t. dan dengan izinNya. Menurut fahaman sosialisme (marxisme) apa yang tidak dapat dikesan oleh pancaindera yang lima dianggap tidak ada. Dari segi ilmiahnya tidak betul

kerana cara kita berfikir, fahaman atau cita-cita yang lahir dari otak kita adalah satu kebenaran yang ada pada manusia, sungguhpun tidak dapat dikesan oleh pancaindera.<sup>29</sup>

Menurut Dr. Sulaiman Noordin,<sup>30</sup> kesan daripada teori Marxisme ialah, pertama, menanam semangat benci di kalangan rakyat dan pekerja-pekerja yang serba kekurangan terhadap mereka yang berjaya. Ia mempunyai ciri-ciri untuk memecah-belahkan masyarakat di semua lapisan masyarakat. Kedua, menghapuskan kepercayaan adanya Pencipta alam dan adanya kitab-kitab suci daripada Allah s.w.t. dan peraturan hidup yang sempurna. Ketiga, meruntuhkan kesepadan keluarga kerana keluarga adalah satu jenis kumpulan yang boleh menjadi benteng kepada pengaruh fahaman sosialisme (Marxisme). Oleh itu, gerakan pembebasan wanita di Barat yang disokong oleh sosialisme mendesak hak yang sama rata antara lelaki dan wanita dalam semua hal. Ini menyebabkan penceraian suami isteri menjadi-jadi di Barat. Keempat, teori evolusi telah menggambarkan dunia ini sebagai medan perperangan bagi manusia dalam pertarungan hidup mengikut peraturan rimba. Konsep ini mengenepikan sifat-sifat mulia manusia seperti keadilan, kasih sayang, amanah, ikhlas dan kasihan, kerana mengikut Marxisme, manusia itu sentiasa dalam pertarungan antara yang satu dengan yang lain dalam kehidupan.

Bagi Ali Shariati, Marxisme muncul sebagai reaksi penolakan terhadap kapitalisme, penolakan kelas-kelas masyarakat, penolakan eksplorasi, penolakan negara, penolakan keistimewaan, penolakan pengumpulan kekayaan, penolakan etika pencarian diri dan terutamanya penolakan terhadap perhambaan manusia. Ia seolah-olah amat

mengagumkan di mana suatu masyarakat yang secara sederhana didirikan bukan atas dasar “untuk masing-masing sesuai dengan kerjanya”, tetapi “untuk masing-masing sesuai dengan keperluannya”. Maksudnya ialah persamaan mutlak bagi semua rakyat. Marxisme menjanjikan suatu masyarakat yang di dalamnya setiap orang akan menerima lebih daripada yang seharusnya.<sup>31</sup>

Menurut beliau lagi, ada dua aspek yang berbeza dalam Marxisme. Pertamanya ia menentang Kapitalis dan menegakkan sosial-komunis. Keduanya, Marx membiarkan nilai moral manusia dikalahkan oleh semangat revolucionernya untuk politik dan ekonomi Komunis dan sekaligus mengubah dirinya menjadi pemimpin politik yang haus akan kekuasaan. Walau bagaimanapun, idea Marx lebih menarik dan telah menawan hati dan jiwa orang-orang yang tertindas oleh Kapitalisme. Marx menunjukkan dengan jelas dengan mengatakan Kapitalisme sebagai sesuatu yang “merendahkan nilai tinggi kemanusiaan”. Tetapi, bila membicarakan tentang prinsip produktiviti, khususnya ekonomi masyarakat, nada mistik ini berubah menjadi nada materialis.

Menurut Shariati lagi, pada dasarnya kualiti manusia menurut kesepakatan kaum komunis ialah pertamanya, manusia adalah makluk utama serta mempunyai jiwa bebas dan hakikat yang mulia. Keduanya, manusia mempunyai kemahuan yang bebas yang bererti bahawa kemanusiaan bebas bertindak atas semua perkara yang mencapai kualiti seperti Tuhan. Ketiganya, manusia adalah makhluk yang sedar dalam erti memahami dunia eksternal, menyingkap rahsia yang tersembunyi dari pengamatan dan mampu menganalisa reality dan peristiwa. Keempatnya, manusia adalah makluk yang sedar diri

iaitu satu-satunya makhluk hidup yang mempunyai pengetahuan atas kehadirannya sendiri, mampu mempelajari, mengetahui dan menilai dirinya. Kelimanya, manusia adalah makhluk yang kreatif dan aspek kreatif ini memisahkan dirinya secara keseluruhan dari alam dan menempatkannya di samping Tuhan. Keenamnya, manusia adalah makhluk idealis, pemuja yang ideal yang bermaksud tidak pernah puas dengan apa yang ada tetapi berjuang untuk mengubahnya menjadi apa yang seharusnya. Ketujuhnya, manusia adalah makhluk moral.<sup>32</sup>

Namun bagi Shariati, Marx telah jatuh pada suatu kedudukan yang sangat lemah bagi sebuah ideologi. Ini adalah kerana Marx bukanlah semata-mata seorang yang ahli falsafah materialis yang senang berbicara. Tetapi Marx adalah seorang ideologis sosial yang menjadi pemimpin politik kaum proletariat pada zamannya. Marx berbicara tentang serangkaian nilai-nilai yang berlawanan dengan kepentingan diri dan yang mengatasi zat material manusia. Jadi apabila ia berbicara mengenai sistem kapitalis dan psikologi borjuis yang mengukur zat manusia dengan wang, menyeret kemanusiaan ke dalam kepincangan moral dan membangunkan masyarakat yang rosak, ia mendasarkan fikirannya pada nilai moral. Namun demikian, apabila ia membicarakan dialektika materialisme, ia berjuang bermati-matian membuktikan bahawa dirinya setia pada realisme dan hanya memberikan semua yang sesuai dengan perbahasan biologi dan material.

Marx berulang kali melaungkan bagi memelihara kemuliaan manusia dengan dialektika yang menggambarkannya sebagai makluk yang sedang berevolusi. Dengan

tipu muslihat ini, Marx memindahkan kemanusiaan dari bidang alam ke bidang sejarah. Tetapi, manusia tidak mendapat kemuliaan dengan pengangkatan ini kerana sejarah menurut Marx adalah: “kelanjutan dari gerakan alam material”. Manusia dalam konteks sejarah akhirnya kembali pada alam mekanisme. Jadi, semua nilai yang Marx berikan kepada manusia ditarik kembali darinya sebagaimana yang dinyatakan oleh Chadel bahawa “Marx seorang ahli falsafah telah menghancurkan semua nilai hakiki manusia di bawah roda-roda dialektika materialisme. Tetapi Marx seorang pemimpin politik menggerakkan rakyat untuk mencapai kekuasaan dan kemenangan”. Jadi menurut Sharaiti, kepercayaan Marx terhadap nilai hanyalah sebahagian daripada taktik perangnya dan ini merupakan penipuan politik yang paling nyata.<sup>33</sup>

### 5.3.3 Eksistensialisme

Eksistensialisme muncul dalam dunia falsafah semenjak Perang Dunia Kedua. Antara tokohnya yang terkenal ialah Heidegger, Gabriel Marcel, Nietzsche, Kierkegaard, Sartre, Jaspers, dan Levinas.

Terdapat dua aliran eksistensialisme iaitu pertama, eksistensialis Katolik seperti Jaspers dan Marcel. Kedua, eksistensialis ateis seperti Sartre dan Heidegger. Tetapi ada kesamaan dalam pemikiran mereka. Pertamanya, motif pokoknya adalah eksistensi atau kewujudan dan pusat perhatian adalah manusia. Keduanya, kewujudan manusia adalah dinamik, menciptakan dirinya secara aktif serta merencanakan diri sendiri. Manusia, sentiasa berubah dan tiada 'state of being'. Ketiganya, manusia dipandang terbuka iaitu

sebagai realiti yang belum selesai. Keempatnya, memberikan tekanan pada pengalaman eksistensial konkret manusia misalnya kepada kematian, penderitaan, kesalahan, perjuangan.<sup>34</sup>

Di kalangan ahli falsafah eksistensialisme, Sartre ialah tokoh yang paling terkenal. Beliau berpendapat bahawa ketiadaan Tuhan bermakna segala-galanya diizinkan. Tiada hukum Tuhan dan nilai kudus atau nilai objektif yang disediakan untuk dipatuhi atau ditaati manusia. Nilai, menurut Sartre, bersifat subjektif, individualistik dan tertakluk kepada situasi. Bagi eksistensialisme, kemoralan berasaskan andaian atau premis “kebebasan”. Menurut Sartre, jika individu mematuhi peraturan masyarakat secara membuta tuli, dia mempunyai pandangan “mitologi” terhadap kemoralan yang akan menjelaskan kebebasannya. Mitos ini mesti dihapuskan dari alam kemoralan. Individu mesti bertanggung jawab terhadap pertimbangan dan tingkah laku moralnya.

<sup>35</sup>Menurut Sartre lagi, jika sesuatu nilai itu kabur, satu-satunya perkara yang boleh kita rujuk ialah percaya pada naluri (*instinct*) sendiri.<sup>36</sup>

Bagi Ali Shariati, eksistensialisme muncul sebagai pemberontak melawan kedua-dua ideologi sebelumnya iaitu kapitalisme dan marxisme. Golongan eksistensialis mendakwa diri mereka pencinta manusia (*humanitarian*) yang selalu mencari kemerdekaan dan kebebasan manusia, merasakan mereka perlu menentang kapitalisme dan marxisme kerana kedua-duanya merendahkan martabat manusia. Mereka menyerang keduanya atas dasar moral dan estetika, juga atas dasar analisis ilmiah dan logik.<sup>37</sup>

Menurut beliau lagi, yang menariknya ialah, setelah hasil usaha yang cemerlang oleh sistem kapitalis dalam membina tamadun Eropah yang paling maju di abad ke 19, wujudnya suatu perlawanan yang dahsyat oleh jiwa kemanusiaan telah terhadap sistem kapitalis ini dan memeranginya telah menjadi tugas utama kaum intelektual humanitarian. Suatu generasi yang tercampak dari agama, yang muak dengan mekanisme kapitalis, dikecewakan dengan syurga yang dijanjikan oleh komunisme, mendapat hidupan udara segar dalam eksistensialisme. Pada jantung mereka ada Sartre yang dengan penuh kesedaran dan kekuatan mengungkapkan penderitaan yang dibawa oleh ideologi-ideologi sebelumnya.

Jika dibandingkan dengan kapitalisme yang menganggap manusia sebagai binatang ekonomi dan Marxisme yang menganggap manusia sebagai suatu objek yang terdiri daripada zat yang diorganisasikan, eksistensialisme menjadikan manusia sebagai Tuhan. Eksistensialisme sangat memuja manusia dengan mengatakan bahawa “semua makhluk dunia ini menyedari kewujudannya setelah zat mereka ditentukan kecuali manusia yang menciptakan zatnya setelah kewujudannya. Manusia wujud dengan tidak jelas sama ada untuk berupa apa, menjadi apa, apa yang akan dilakukan, apa yang akan dipilih sebagai zatnya. Oleh itu, manusia bukanlah ciptaan Tuhan, bukan ciptaan alam dan bukan juga alat-alat membuat produk. Dengan penghinaan terhadap manusia oleh gereja, kapitalisme dan komunisme, idea ini amat menarik pada jiwa yang percaya pada keajaiban manusia.

Namun, menurut Shariati, Sartre mengalami pertentangan yang sama seperti Marx yang cuba untuk memaksa para pekerja dan kaum intelektual untuk menghancurkan sistem kapitalis lalu membangunkan sistem sosialis. Sartre ingin kembali kepada pemikiran, idea-idea, keinginan dan pilihan manusia, tetapi pada saat yang sama memperkotak-katikkan suatu sistem yang tiada peranan untuk manusia yang mempunyai kualiti seperti itu.

Sartre yang membezakan antara apa yang menjadi sifat manusia dan sifat alam, mengakui wujudnya dualisme. Tetapi Sartre tidak menampakkan dirinya sebagai roh keagamaan. Ia tetap setia pada materialisme dan menunjukkan eksistensialisme akan menjadi satu mazhab dalam tradisi Marx. Bukan itu sahaja, masalah yang lebih serius timbul apabila ajaran ini memusatkan tekanan sepenuhnya pada tindak-tanduk manusia iaitu manusia membuat dirinya dengan tindakannya sendiri. Sepertimana yang dinyatakan bahawa “Apabila seseorang yang lahir lumpuh tidak menjadi juara lari, maka ia sendirilah yang bertanggung-jawab!”. Maksud tindakannya sendiri wujud dalam satu kata iaitu “pilihan”. Dengan “pilihan” inilah, keinginan bebas manusia yang timbul bukan dari sebab luaran, ketuhanan atau material, dikaitkan dengan penyebab utama pengingkaran.<sup>38</sup>

Di samping ketidak-mampuan Sartre untuk menerangkan bagaimana keinginan metafizik ini telah melompat masuk ke alam material, suatu konflik dialetika yang sangat dasar tidak dapat diselesaikan iaitu walaubagaimana bebas sekalipun “pilihan”, seharusnya ia dibentuk berdasarkan beberapa kriteria dan nilai. Lalu, Sartre menyatakan

bahawa manusia harus menyediakan beberapa peraturan untuk membezakan baik dan buruk, menentukan beberapa criteria untuk pilihan-pilihan yang harus diambil. Jadi, inilah kali pertama menurut Shariati, kriteria baik dan buruk adalah perasaan peribadi dan sesuatu yang betul-betul ideal. Baai Shariati, Sartre tidak sedar bahawa moral eksistensialismenya begitu lemah dan dasarnya begitu goyah.<sup>39</sup>

### 5.3.4 Freudanisme

Sigmund Freud merupakan antara sarjana Barat yang terawal memberi sumbangan dalam bidang psikologi Barat selepas Wilhelm Wundt, William James dan G. Stanley Hall. Beliau muncul dengan menerbitkan buku yang bertajuk “*Interpretation of Dreams*” dalam tahun 1900 iaitu 21 tahun selepas makmal psikologi yang pertama ditubuhkan oleh Wilhelm Wundt di Leipzig dalam tahun 1879. Beliau percaya di dalam mimipi, manusia meluahkan bisikan hati dan nafsu yang tidak dapat diluahkan sewaktu berjaga. Oleh itu, sewaktu dalam mimpi, manusia boleh memuaskan nafsu seksual yang dilarang atau menyeksa serta menganiaya seseorang yang telah membuatkannya marah walaupun manusia tersebut tidak akan berbuat demikian sewaktu berjaga.<sup>40</sup>

Beliau adalah seorang tokoh yang sangat terkenal dalam semua bidang psikologi. Beliau tampil dengan teori personaliti yang terdiri daripada tiga jenis jiwa iaitu *id*, *ego* dan *superego*. *Id* ialah bahagian personaliti yang prihatin terhadap memenuhi keperluan atau kehendak nafsu yang dengan serta-merta. *Ego* ialah bahagian personaliti yang

mengambil kira realiti luaran dan meluahkan kehendak seksual dan tindakan agresif. *Superego* pula ialah bahagian personaliti yang mewakili suara hati.

Freud percaya bahawa masalah-masalah psikologi adalah disebabkan oleh pengalaman daripada kehidupan awal manusia. Pendekatan rawatannya dipanggil psikoanalisa (*psychoanalysis*) iaitu dengan cara menyelidik penggabungan unsur-unsur sedar dan tidak sedar dalam fikiran seseorang. Teori ini merupakan gabungan teori sahsiah, teori pertumbuhan dan menjadi alat bagi memberikan pengubatan kekacauan mental. Teori psikoanalisa yang diperkenalkan oleh Freud masih digunakan hingga ke hari ini.<sup>41</sup>

Perkara yang paling kontroversi dalam teori personaliti Freud ialah “Peringkat Perkembangan Psikoseksual” (*psychosexual stages of development*). Peringkat Perkembangan Psikoseksual ini terdiri daripada Peringkat Mulut (*Oral*) iaitu antara umur 0-2 tahun, Peringkat Dubur (*Anal*) iaitu antara umur 2-3 tahun, Peringkat Zakar (*Phallic*) iaitu antara umur 3-7 tahun, Peringkat Pendam (*Latency*) iaitu antara umur 7-11 tahun dan Peringkat Alat kelamin (*Genital*) iaitu antara umur 11 hingga dewasa. Di dalam peringkat zakar (*phallic*), Freud menyatakan manusia berfantasi tentang hubungan seksual dengan ibubapa atau penjaga yang berlainan jantina yang disebutnya sebagai *Oedipus complex*. Seperkara lagi ialah Freud menyatakan bahawa kanak-kanak wanita merasa cemburu terhadap kanak-kanak lelaki kerana tidak memiliki zakar yang disebutnya sebagai *penis envy*.<sup>42</sup>

Bagi Shariati, Freud adalah seorang borjuis moden yang menentang segala nilai moral dan kemanusiaan, menentang segala martabat dan ketinggian manifestasi roh manusia dengan menamakannya sebagai “realisme”. Realisme Freud merupakan ahli sains, sarjana, ahli falsafah, ahli psikologi dan ahli antropologi yang berkhidmat kepada kelas borjuis yang merendahkan martabat manusia hingga ke peringkat haiwan seks dan ekonomi. Oleh itu, golongan borjuis ini mengasingkan diri daripada nilai dan keperibadian sebaliknya memiliki satu agama, satu aliran, satu rumah ibadat dan seorang penyampai mesej yang merosakkan manusia zaman ini, iaitu agama yang mengorbankan segala-galanya. Penyampai (*messenger*) ini adalah Sigmund Freud. Agamanya ialah seks. Rumah ibadatnya ialah Freudanisme dan pertama yang dilakukan di dalam rumah ibadatnya ialah wanita dan nilai kewanitaan.<sup>43</sup>

Pandangan Freud tentang seksualiti muncul selepas Perang Dunia Kedua dan pandangannya ini menjadi prinsip asas dalam kesenian Tamadun Barat. Ini jelas kerana kebanyakan gambar dan potret semasa zaman tersebut hanya berunsurkan dua elemen sahaja iaitu keganasan dan seksualiti yang mana kedua-duanya adalah warisan dari peperangan. Unsur gambar merupakan satu lambang yang sangat penting dalam hubungan seni dengan kapitalisme Barat. Oleh itu, kesenian secara tidak langsung disokong oleh kapitalisme. Kapitalisme hanya bertujuan untuk memperbodohkan manusia atas nama saintifik. Faktor yang paling kuat khususnya di kalangan remaja ialah seks. Ini adalah kerana seks boleh diterangkan secara logic, merupakan idea baru dan mudah dan bebas untuk diterima. Ia adalah faktor yang sangat penting bagi menarik perhatian generasi muda yang merupakan mangsa utama Freud. Oleh itu, segala

pemikiran , kesenian, sosial, politik dan pelaburan kewangan mereka perlu menguatkan aliran ini. Sebab itulah aliran ini amat cepat bergerak dan berkembang. Kolonial Barat telah mengeksport kebebasan seks kepada negara-negara Timur sebagai ganti bahan mentah daripada Timur.<sup>44</sup>

Malangnya, golongan intelektual dan sarjana palsu dari negara Dunia Ketiga telah mencadangkan Freudanisme sebagai sains sebenar yang sesuai dengan zaman mereka. Dan kerana itulah sarjana-sarjana moden mengkaji dan merekod kerja-kerja Freud dengan cara yang istimewa. Shariati menegaskan bahawa di atas nama intelektual dn sains psikologi moden, sarjana dan ahli sains Barat memberi kuasa sejagat ini secara percuma kepada negara-negara membangun. Di atas nama sains, mereka bebas mempropagandakan idea yang tidak bersifat kemanusiaan di kalangan golongan intelektual dan generasi muda. Betapa bodohnya golongan pemikir dan intelektual yang berkhidmat kepada kuasa pemerintah kapitalis. Mereka benar-benar percaya bahawa mereka berkhidmat kepada kemahuasian, kebebasan, liberalisasi dan sains.<sup>45</sup>

## NOTA HUJUNG

- 
- <sup>1</sup> Krishnan Kumar, *From Post Industrial To Post Modern Society, New Theories of The Contemporary World*, Blackwell Publisher, U.S.A., 1995.
- <sup>2</sup> Shamsul Amri Baharuddin, *Pengalaman Modernisasi dan Sekularisasi di Asia*, Jurnal Pemikir, Utusan Malaysia, 1995, hlm 79.
- <sup>3</sup> Sulaiman Noordin, *Sejarah Pemikiran I, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan 'Order Baru Dunia'*, Pusat Pengajian Umum UKM, 1997, hlm 125.
- <sup>4</sup> Maryam Jameela, *Islam and Modernism*, Lahore Pakistan, 1977, hlm 16.
- <sup>5</sup> Ibid.
- <sup>6</sup> Maryam Jameela, *Islam and Western Society*, Lahore Pakistan, 1976, hlm 17.
- <sup>7</sup> Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal*, DBP Kuala Lumpur, 1966.
- Sayid Qutb, Masyarakat Islam, Bandung, 1978, hlm 54.
- <sup>8</sup> Khurshid Ahmad, *Roh Tamadun Moden Dan Ciri Utama Pemikirannya*, DBP, Kuala Lumpur, 1991, hlm 12-30.
- <sup>9</sup> Ali Syari'ati, *Ideologi Kaum Intelektual: Wawasan Islam*, Pengantar oleh Jalaluddin Rahmat, Penerbit Mizan, Bandung, Indonesia, 1988, hlm 127-128.
- <sup>10</sup> Ibid.
- <sup>11</sup> Ibid, 164.
- <sup>12</sup> Ali Shariati, *Extraction And Refinement Of Cultural Resources*, <http://www.shariati.com/culture.html>, hlm 1-8.
- <sup>13</sup> Ali Syariati, *Tugas Cendekiawan Muslim*, Penerjemah & Pengantar oleh Dr. M. Amien Rais, Penerbit CV. Rajawali, Indonesia, 1984 dan Thinker's Library Sdn. Bhd., Malaysia, 1987, hlm 148-150.
- <sup>14</sup> Ali Shariati, Extraction And Refinement Of Cultural Resources, *op.cit.*, hlm 1-8
- <sup>15</sup> Ali Shariati, *Tugas Cendekiawan Muslim*, *op.cit.*, hlm 159.
- <sup>16</sup> *Op.cit.*
- <sup>17</sup> Ibid.
- <sup>18</sup> Ibid.
- <sup>19</sup> Ibid.
- <sup>20</sup> Ibid.
- <sup>21</sup> Kapitalisme, <http://www.alislam.or.id/aliranislam/arsip/00000018.html>
- <sup>22</sup> Sulaiman Noordin, *Sejarah Pemikiran I, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan 'Order Baru Dunia*, *op.cit.*, , hlm 200-201.
- <sup>23</sup> Kapitalisme, *op.cit.*
- <sup>24</sup> Kapitalisme, *Sistem Ekonomi Bebas*, <http://hawariyyin.iwebland.com/print.php?sid=12>
- <sup>25</sup> Ali Syari'ati, *Kritik Islam Atas Marxisme Dan Sesat-Pikir Barat Lainnya*, Diterjemahkan dari buku Marxism And Other Western Fallacies oleh M. Dawan Raharjo dan disunting oleh Hamid Algar, Penerbit Mizan, Bandung, Indonesia, 1983, hlm 88.
- <sup>26</sup> Ibid., hlm 89-90.
- <sup>27</sup> Ali Syariati, *Fatimah Az-Zahra: Peribadi Agung Putri Rasulullah s.a.w.*, Diterjemah dari Fatimah is Fatimah oleh Muhammad Hashem Assagaf dan disunting oleh Drs. Ali Yahya, Psi, Yayasan Fatimah, Indonesia, 2001, hlm 120.
- <sup>28</sup> Sulaiman Nordin, *op.cit.*, hlm 201-203.
- <sup>29</sup> Ibid., hlm 219.
- <sup>30</sup> Ibid., hlm 215-206.
- <sup>31</sup> Ali Syariati, *Kritik Islam Atas Marxisme Dan Sesat Pikir Barat Lainnya*, *op.cit.*, hlm 62
- <sup>32</sup> Ibid, Hlm 63-72.
- <sup>33</sup> Ibid.
- <sup>34</sup> Eksistensialisme, <http://paucits.itb.ac.id/eryan/eryansorg/FreeArticles/Eksistensialisme.html>.
- <sup>35</sup> Abdul Rahman Md. Aroff, *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*, UPM, Serdang, 1999, hlm 37-38.
- <sup>36</sup> Eow Boon Hin, *Pendidikan Moral*, Pearson Malaysia Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2002, hlm 59.
- <sup>37</sup> Ali Syari'ati, *Kritik Islam Atas Marxisme Dan Sesat-Pikir Barat Lainnya*, *op.cit.*, hlm 92.
- <sup>38</sup> Ali Shariati, *Tugas Cendekiawan Muslim*, *op.cit.*, hlm 79.

---

<sup>39</sup> Op.cit., hlm 96-104.

<sup>40</sup> Robert A. Baron, *Psychology (Second Edition)*, Allyn & Bacon, U.S.A., 1992, hlm 146-147.

<sup>41</sup> Atan Long, *Psikologi Pendidikan*, DBP, Kuala Lumpur, 1982, hlm 8.

<sup>42</sup> *Op.cit.*, hlm 485-491.

<sup>43</sup> Dr. Ali Shariati, *Expectation of the Muslim Woman*, Part II,

<http://www.shariati.com/oman/woman2.html>, hlm 1-5.

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> *Ibid.*